

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

**PLG 518 : Pengajian Pendidikan Guru**

Masa : [ 3 jam ]

---

Jawab satu (1) soalan daripada BAHAGIAN A dan dua (2) soalan daripada BAHAGIAN B.

**BAHAGIAN A**

Jawab satu (1 soalan).

1. Lynch dan Plunkett (1973) menghuraikan empat persepsi tentang guru. Terangkan ke empat-empat persepsi tersebut.

[ 20 markah ]

2. Feimen-Nemser telah membahagikan kajian-kajian Pendidikan Guru ke dalam lima orientasi. Namakan lima orientasi ini. Pilih satu orientasi dan terangkan satu kemajuan terkini dalam orientasi itu.

[ 20 markah ]

**BAHAGIAN B**

Jawab dua (2) soalan sahaja.

3. "Tiap-tiap jurusan falsafah pendidikan guru mementingkan ilmu pengetahuan yang berbeza dan juga memberi peranan yang berbeza kepada ilmu pengetahuan".

Jelaskan kenyataan ini. Terangkan bagaimana guru pelatih akan memperolehi ilmu pengetahuan dalam tiap-tiap jurusan pendidikan guru.

[ 40 markah ]

...2/-

4. Patutkah tujuan-tujuan pendidikan guru bersepakat dengan tujuan-tujuan pendidikan sekolah? Bincangkan.

Pada pendapat anda, apakah peranan sepatutnya pendidikan guru di Malaysia. Beri alasan-alasan untuk menyokong pendapat anda.

[ 40 markah ]

5. Institusi pengajian tinggi seperti universiti dan maktab perguruan telah dan sedang menjadi bahagian yang penting dalam pendidikan guru. Bagaimanakah institusi pendidikan tinggi ini terlibat dalam pendidikan guru. Apakah kekuatan dan kelemahannya. Jelaskan jawapan anda dengan contoh-contoh yang tepat.

[ 40 markah ]

6. Sebilangan pendidik telah mencadangkan bahawa kebolehan "interpersonal" (interpersonal abilities) dan kebolehan berinteraksi (interactional abilities) adalah sama penting dengan kefahaman matapelajaran dan kemahiran pedagogi dalam kurikulum pendidikan guru. Bincangkan. Beri contoh-contoh untuk menjelaskan keterangan anda.

[ 40 markah ]

- 000000 -